

Bahagian B

[30 markah]

Soalan 21

- (a) Tandakan (✓) bagi kata nama am yang betul berdasarkan ayat di bawah.
- (i) Basri melihat _____ untuk mengetahui waktu.
matahari () majalah () jam tangan ()
- (ii) Puan Selena memakai sepasang _____ di telinganya supaya kelihatan cantik.
rantai () subang () cincin ()

[2 markah]

- (b) Padankan perkataan yang sesuai berdasarkan ayat yang diberikan. Satu daripadanya telah ditunjukkan sebagai contoh.

(i) Kepala abang _____ pada bucu meja semasa hendak bangun.		terpelanting
(ii) Tin minuman itu _____ ke tepi longkang selepas ditendang oleh adik.		mencedok
(iii) Pak Taib _____ sup ayam itu ke dalam mangkuk.		memerah
(iv) Samad _____ susu lembu sambil diperhatikan oleh ayahnya.		terhantuk

[2 markah]

- (c) Garis jawapan yang paling sesuai bagi ayat di bawah.

- (i) "(Bagaimanakah, Manakah) lutut kamu boleh tercedera?" tanya Raif kepada adiknya.
- (ii) Banjir kilat di Kampung Setiu berpunca (dari, daripada) longkang yang tersumbat.

[2 markah]

Soalan 22

Pilih kata hubung yang paling sesuai untuk diisi pada tempat kosong.

tetapi	sambil	sejak	kerana	atau
--------	--------	-------	--------	------

- (a) Faizal tidak datang ke kelas tuisyen _____ hujan turun dengan lebat.
- (b) Kakak suka menanam pokok _____ memasak?
- (c) Julia seorang yang pendiam _____ sangat bijak di dalam kelas.
- (d) Adik suka menonton televisyen _____ melukis gambar kartun.
- (e) Azura dan Jenny berkawan baik _____ kecil lagi.

[5 markah]

Soalan 23

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

Pada waktu rehat, Danial dan kawan-kawannya terus menuju ke kantin sekolah. Murid-murid beratur semasa membeli makanan dan minuman. Selepas membeli makanan, Danial pun bergerak mencari meja untuk duduk dan makan.

Tiba-tiba, seorang murid lelaki berlari dengan laju lalu terlanggar Danial yang sedang memegang dulang berisi makanan. Pinggan Danial jatuh ke lantai.

Murid lelaki itu memohon maaf kepada Danial. Danial memaafkan murid lelaki itu. Tidak lama kemudian, murid lelaki itu membeli nasi goreng baharu untuk menggantikan nasi goreng yang terjatuh tadi. Danial mengucapkan terima kasih kepada murid lelaki itu.

- (a) Bagaimanakah sikap murid-murid semasa membeli makanan?

[1 markah]

- (b) Mengapakah murid lelaki itu memohon maaf kepada Danial?

[2 markah]

- (c) Nyatakan **dua** jenis makanan lain yang dijual di kantin sekolah.

(i) _____

(ii) _____

[1 markah]

- (d) Mengapakah Danial mengucapkan terima kasih kepada murid lelaki itu?

[2 markah]

Soalan 24

Teliti maklumat di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.



Nama penuh : Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj
Lahir : 8 Februari 1903 di Alor Setar, Kedah.
Pendidikan : 1909 – Sekolah Rendah Melayu di Jalan Baharu, Alor Setar.
1915 – Pengajian di Penang Free School – Menyambung pengajian di University of Cambridge, England.
Lain-lain : Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj ialah Perdana Menteri yang pertama. Beliau mendapat gelaran Bapa Kemerdekaan kerana telah memperjuangkan kemerdekaan Tanah Melayu. Beliau berusaha gigih untuk memastikan negara kita merdeka. Pada 31 Ogos 1957, negara kita mencapai kemerdekaan.

(a) Siapakah Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj?

[1 markah]

(b) Beliau digelar Bapa Kemerdekaan kerana _____

[2 markah]

(c) Tandakan (✓) bagi pernyataan yang betul dan (x) bagi pernyataan yang salah.

Tunku Abdul Rahman merupakan Bapa Pembangunan.	
Negara kita mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.	

[2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, apakah sikap yang perlu ada untuk menjadi seorang ketua kelas? **KBAT**

soalan 25

teliti jadual di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat yang lengkap.

JADUAL TUGAS KEBERSIHAN KELAS TIGA MAWAR					
Hari \ Tugas	Memadam papan hitam	Menyapu lantai	Menyusun kerusi dan meja	Mengelap tingkap	Membuang sampah
Isnin	Chee Lim	Khairul	Imran	Kamil	Salmah
Selasa	Suraj	Rina	Suria	Hazri	Farid
Rabu	Hairul	Geetha	Zubaidah	Jusoh	Raif
Khamis	Basir	Ramlah	Amirul	Ooi Peng	Mohamad
Jumaat	Lai Meng	Amin	Raju	Adi	Julia

(a) Berapa ramaiakah murid yang bertugas dalam lima hari?

[1 markah]

(b) Apakah tugas yang dilakukan oleh Zubaidah dan Raju?

[1 markah]

(c) Sebutkan nama **dua** orang murid yang bertugas menyapu lantai.

(i) _____

(ii) _____

[2 markah]

(d) Pada pendapat kamu, mengapakah kita perlu menjaga kebersihan kelas?

[2 markah]